



KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2023

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	17.03.2023	Guna Fasiliti Sekolah Secara Optimum	3
2.	17.03.2023	Kesihatan, Pendidikan Keutamaan Kerajaan - Anwar	4
3.	17.03.2023	'Sampai Bersara Tiada Kapal Diterima'	5
4.	17.03.2023	Ke Mana Hasil Potongan Elaun Penjawat Awam?	6
5.	17.03.2023	LCS: Lebih Ramai Termasuk Orang Kenamaan Akan Dipanggil SPRM	7
6.	17.03.2023	SPRM Teliti Dokumen Sukuk RM596 Juta	8
7.	20.03.2023	Kementerian Pendidikan Sudah Hasil 70 Peratus Buku	9
8.	20.03.2023	Tanah Percuma Keutamaan Bina PPR	10
9.	24.03.2023	Rohana Pulangkan Wang AS\$10 Juta, Aset Dikaitkan 1MDB	11-12
10.	24.03.2023	Inisiatif Bersepadu Bantu Pesawah Bukan Ad Hoc	13
11.	24.03.2023	Kes Adam Dipindah Untuk Bicara Bersama	14
12.	25.03.2023	Apa Status Bandar Malaysia?	15
13.	25.03.2023	Lagi Aset 1MDB Sedang Dikesan	16
14.	25.03.2023	Konsesi PUSPAKOM Dilanjut 15 Tahun Lagi	17
15.	25.03.2023	Bekas Kakitangan MPNM Diarah Bela Diri	18
16.	26.03.2023	Dibayar RM300 'Lepaskan' 1,050 PATI	19
17.	26.03.2023	Elak Guna Dana Kerajaan	20
18.	26.03.2023	Subsidi RM100j Jualan Rahmah Aidilfitri	21
19.	27.03.2023	20 Lagi Terima Dana 1MDB	22-23
20.	27.03.2023	SPRM,JPN Buru Rakyat Jual MyKad	24
21.	27.03.2023	Merugikan, Rumah PUSPANITA Semak, Terbiar	25
22.	28.03.2023	Nasib Guru KAFA Dikaji	26
23.	28.03.2023	'Korupsi Penguat Kuasa Semakin Kronik'	27

KERATAN AKHBAR BULAN MAC 2023
UTUSAN MALAYSIA

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
24.	28.03.2023	Kaji Semula Kadar Elaun, Kontrak Guru KAFA	28
25.	28.03.2023	Sekarang Masa Tepat SPRM Letak Pegawai Di MARA	29
26.	29.03.2023	RM100b Kos Import Makanan	30-31
27.	29.03.2023	Badan Khas Siasat Salah Laku Semua Penguat Kuasa	32
28.	29.03.2023	Dana RM2.1 juta Dipulangkan Kepada Parti Politik, 7 Individu	33
29.	30.03.2023	Isu Doktor Kontrak Selesai Tiga Tahun Lagi - Anwar	34
30.	30.03.2023	SPRM Bebas Siasat Agensi Penguat Kuasa Di Bawah KDN	35
31.	30.03.2023	Rasuah Projek MRT2: Paismanathan Berdepan Penjara 20 Tahun	36

17 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 1 & 2

Pengarah pendidikan negeri, PPD diarah pastikan tiada pembaziran

Guna fasiliti sekolah secara optimum

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahs@mediamalaysia.com.my

PUTRAJAYA: Pengarah pendidikan negeri dan daerah diarah memastikan semua kemudahan di sekolah digunakan secara optimum bagi mengelak ia dilihat sebagai pembaziran wang rakyat.

Arahan itu dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Pkharuddin Ghazali selepas mendapati sekurang-kurangnya dua sekolah dikenal pasti tidak menggunakan kemudahan yang disediakan sepenuhnya tanpa pengurusan efektif oleh pihak sekolah, jabatan pendidikan ne-

geri dan daerah.

Dalam majlis amanat beliau kelmarin, hasil turun padang beliau mendapati ada dua sekolah yang tidak mengoptimalkan kemudahan masing-masing dan tidak digunakan sebaik mungkin.

Katanya, ada sebuah sekolah

menengah yang padat tetapi sekolah rendah berdekatan kemudahannya bolehampung pemebelajaran di peringkat menengah kerana ada dua makmal, bilik persediaan seni, asrama dengan beratus bantal dan tilam.

Bersambung di muka 2

Guna fasiliti sekolah secara optimum

Dari muka 1

"Jadi saya nak seru semua rakan-rakan (pengarah pendidikan negeri dan daerah) turun ke bawah cari sampai jumpa apa lagi kemudahan yang tak digunakan untuk dimanfaatkan sebaik mungkin dan mengembalikannya semula kepada rakyat.

"Ini kerana perkara seumpama itu kita menanggung dosa sebab itu duit rakyat yang dibelanjakan untuk buat kemudahan tapi tak diuruskan dengan satu kaedah yang paling efektif," katanya.

Perkara itu menjadi satu isu yang perlu diberi perhatian serius di sebalik usaha kerajaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menangani isu sekolah daif, sedangkan ada sekolah yang mempunyai kemudahan lengkap dan mencukupi tetapi tidak digunakan sepenuhnya.

Pkharuddin berkata, pemantauan pihak jabatan pendidikan negeri dan daerah diperlukan untuk memastikan perkara itu dapat dilaksanakan agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan diuruskan secara efektif.

"Semua kemudahan yang ada di setiap sekolah perlu digunakan secara optimum supaya bangkit suasana selamat, sihat dan sejahtera dalam kalangan warga sekolah.

"Pemantauan pihak jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah diperlukan untuk memastikan perkara ini berlaku," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Pkharuddin memberitahu,



Semua kemudahan yang ada di setiap sekolah perlu digunakan secara optimum supaya bangkit suasana selamat, sihat dan sejahtera dalam kalangan warga sekolah."

PKHARUDDIN GHAZALI

beliau terbuka membantu menyelesaikan sebaik mungkin jika ada apa sahaja isu melibatkan kemudahan sekolah yang diperlukan untuk perhatian pihak KPM.

Katanya, ini termasuk mencari anak-anak yang tidak boleh membaca, menulis dan mengira (3M) supaya dapat mengatasi masalah keciciran selain memastikan aspek kesejahteraan guru, dan menangani sekolah daif dan masalah digital.

"Kalau saya duduk di kerusi Ketua Pengarah ini saya sudah jumpa dua sekolah dengan dua kali sahaja pergerakan saya, jadi saya yakin anda semua (kepemimpinan jabatan pendidikan negeri dan daerah) dapat turun sama di daerah masing-masing, pasti jumpa.

"Saya terbuka, beritahu sa-

haja apa yang anda jumpa untuk bantu selesaikan sebaik mungkin dalam pelbagai cara, itu keyakinan saya boleh berikan selagi saya boleh turunkan tandatangan bagi memudahkan urusan," katanya.

Sebelum ini, KPM mendedahkan 830 sekolah yang kebanyakannya terletak di Sabah dan Sarawak dikenal pasti mempunyai blok bangunan daif yang dikategori sebagai bangunan berskala enam dan tujuh iaitu ditakrifkan tidak selamat serta memerlukan penggantian atau pembangunan semula.

Dalam Belanjawan 2023, KPM menerima peruntukan tertinggi iaitu RM55.2 bilion berbanding RM52.6 bilion pada tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, peruntukan RM2.3 bilion dihususkan untuk membina infrastruktur serta kemudahan pembelajaran terbaik, termasuk RM920 juta untuk menaik taraf bangunan serta infrastruktur sekolah-sekolah daif di seluruh negara, khususnya di Sabah dan Sarawak melalui kaedah perolehan khas selaras teras keenam KPM.

Peruntukan RM900 juta pula untuk kerja-kerja menyelenggara kemudahan semua jenis sekolah termasuk sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan SJK Tamil (SJKT) selain membina tujuh sekolah baharu dengan kos RM560 juta (SK Paya Dusun, Terengganu; SMK Denai Alam, Selangor; SMK Nabalu, Sabah dan SMK Dudong, Sarawak).

17 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 3

Kesihatan, pendidikan keutamaan kerajaan - Anwar

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@utusan.com.my

KUALA LUMPUR: Bidang kesihatan dan pendidikan menjadi dua keutamaan kerajaan pada masa kini ekoran kekangan kewangan negara yang berdepan defisit dan jumlah hutang yang banyak.

Justeru Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, Belanjawan 2023 memfokuskan kedua-dua keperluan itu dengan memberikan peruntukkan lebih banyak untuk menyelesaikan masalah asas terlebih dahulu.

Namun kata beliau, tindakan itu bukan bermakna bidang lain tidak diberikan keutamaan sebaliknya kerajaan mahu memfokuskan asas rakyat khususnya membabitkan prasarana sekolah dan klinik.

"Saya imbas sedikit tentang belanjawan negara, tahun ini kita tumpu sekolah dan kesihatan, apabila kekangan kewangan itu dengan hutang begitu banyak dan defisit, itu kita tidak boleh masalah dalam masa singkat.

"Jadi untuk tahun ini kita ambil langkah-langkah sangat tegas dan berani, belanja lebih tinggi untuk menyelesaikan masalah asas prasarana sekolah dan klinik kesihatan, perubatan," katanya.

Perdana Menteri berkata



ANWAR Ibrahim diiringi Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Mohd. Zarif Hashim melakukan lawatan ke stesen Putrajaya Sentral selepas merasmikan pelancaran Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

demikian dalam Majlis Pelancaran Pembukaan Laluan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Putrajaya di Depot MRT Serdang dekat sini, semalam.

Sementara itu, Anwar berkata, proses tender termasuk projek penyelenggaraan pengangkutan awam diberikan kepada syarikat yang bukan sahaja dinilai berdasarkan kepada rekod keupayaan dan kemampuan masing-masing, tetapi dilakukan secara teliti.

Beliau menjelaskan, proses

tender projek itu harus dilakukan secara telus dengan pihak terlibat tidak nama ketika proses perolehan dilakukan bagi mengelakkan ketirisan duit rakyat dan akhirnya dapat menjimatkan dana awam.

Katanya, jika perkara itu dapat dilaksanakan, ia menyebabkan kos projek termasuk pengangkutan awam menjadi lebih kompetitif apatah lagi nilainya yang menelan kos berbilion Ringgit.

"Pada mesyuarat saya hadir

semalam (Rabu) dengan jawatankuasa tender yang membuat keputusan mengenai projek-projek besar, saya memberitahu mereka bahawa nama syarikat itu tidak perlu diketahui, hanya sebut syarikat A, B, C.

"Jika diurus dengan tidak terurus, ratusan juta akan bocor ke parti lain, akaun perseorangan yang menyebabkan negara mengalami ketirisan. Malah jika projek dijalankan telus, kita boleh memanfaatkan pelbagai dana untuk projek lain," katanya.

17 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 4

'Sampai bersara tiada kapal diterima'

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
dan MOHD HUSNI MOHD NOOR
utusannews@medianusa.com.my

PUTRAJAYA: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) berharap Kapal Peronda Luar Pesisir pertama (OPV 1) dapat diserahkan kepada agensi itu tahun ini selepas dilancarkan sejak Oktober tahun lalu.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Ketua Pengarahnya, Datuk Mohd. Zubil Mat Som berkata, setakat hari ini tiada alasan khusus diberikan kerajaan mengapa kapal operasi yang diperlukan agensi itu sejak tiga tahun lalu gagal diserahkan mengikut masa.

Beliau difahamkan, OPV 1 dijangka dapat diserahkan pada Julai depan walaupun persetujuan awal dijanjikan pada bulan ini mengikut perjanjian asal, manakala OPV 2 pula masih menjadi tanda tanya walaupun sepatutnya dijadualkan pada Oktober.

Bagi pembinaan OPV 3 pula katanya, status kapal tersebut sedang disiapkan berdasarkan blok dan masih belum dicantumkan dengan tempoh siap adalah tahun depan.

"Tiada alasan secara spesifik diberikan kerajaan (kenapa lewat serah kepada Maritim Malaysia).

"OPV 3 pula (sedang disiapkan) cuma by block sahaja dan belum dicantumkan. Jadual asal (tarikh siap) adalah pada tahun depan tapi tak pasti bila," katanya di sini



MOHD. Zubil Mat Som memeriksa kawalan kehormat pada Istiadat Pahu Berundur Ketua Pengarah Maritim Malaysia di Dataran Pahlawan Negara di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

semalam.

Terdahulu ketika ditemui selepas hadir Perbarisan Pahu Berundur sempena persaraannya, Mohd. Zubil berkata, beliau kecewa dengan penangguhan penyerahan sehingga agensi itu tidak dapat melaksanakan operasi menggunakan kapal itu.

"Saya berasa sangat-sangat kecewa kerana persetujuan sudah dibuat bahawa sebuah kapal akan diserahkan pada Mac dan sekarang sudah nak habis bu-

lan Mac. Saya tidak mahu orang melihat saya komen (keluarkan kenyataan) ini dan beranggapan saya berani bersuara kerana sudah nak bersara.

"Sehingga tempoh persaraan, sebihi kapal pun tidak diterima, cuba bayangkan saya dah nak pencek pun saya masih berjuang untuk dapatkan satu kapal.

"Saya konsisten sejak dahulu bahawa kapal itu perlu diserahkan segera dan kalau boleh semalam saya nak ia diserahkan,"

katanya.

Mohd. Zubil akan bersara wajib pada 19 Mac ini selepas 41 tahun dalam perkhidmatan dan Timbalan Ketua Pengarah Logistik, Datuk Saiful Lizan Ibrahim akan menanggung tugas sebagai Ketua Pengarah.

Katanya, OPV adalah kapal terbaik yang Maritim Malaysia perlukan sejak tiga tahun lalu dan diharap ia dapat diserahkan sebuah kapal dahulu tahun ini.

Mohd. Zubil berkata, pihak-

nya merancang bahawa kapal itu sepatutnya belayar dan dipamerkan pada Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa (LIMA'23) Mei ini, namun, ia tidak dapat direalisasikan.

"Kita tengok Julai ini, jika ada majlis penamaan kapal kemungkinan mereka akan jemput saya dan jika tiada jemputan, maka kapal itu tidak siap lagi," katanya yang turut berharap pengganti beliau kelak akan memperjuangkan perkara sama serta berusaha supaya kapal itu dapat diserahkan tahun ini.

Sebelum ini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Natuson Ismail dilaporkan berkata, OPV 1 dan 2 disiapkan dan diserahkan kepada Maritim Malaysia pada tahun ini mengikut tempoh ditetapkan masing-masing pada Mac dan Oktober.

Kerajaan turut menyuntik pinjaman berjumlah RM152.6 juta bagi memastikan projek Kapal OPV 1 milik Maritim Malaysia disiapkan tahun ini.

Pada Oktober tahun lalu, OPV 1 sepanjang 83 meter (m) dan lebar 13.7m itu dilancarkan ke air dengan keupayaan melakukan pengawasan jarak jauh sehingga ke Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) serta kawasan di luar jangkaan kapal kecil.

Kapal yang direka bentuk mengikut kapal Damen 1800 itu mampu melaksanakan operasi di laut dalam tempoh maksimum 21 hari tanpa ulang belak.

17 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 4

Ke mana hasil potongan elaun penjawat awam?

PETALING JAYA: Kerajaan digesa mendedahkan jumlah sumbangan tabung Akaun Amanah Bencana yang diwujudkan sebagai dana untuk pandemik Covid-19 melalui potongan gaji atau elaun penjawat awam.

Ini melibatkan sumbangan lebih 800,000 penjawat awam lantikan tetap dan kontrak melalui pengurangan Imbuhan Tetap Kerajaan (ITK) atau Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bagi tempoh Julai, Ogos dan September 2021 mengikut gred masing-masing, yang dianggarkan dapat mengumpul lebih RM30 juta.

Tabung itu turut menerima sumbangan gaji 32 Menteri dan 38 Timbalan Menteri yang tidak diambil selama tiga bulan mulai Jun 2021, selain mengalih-alukan potongan elaun Lembaga Pe-

ngarah; potongan gaji dan elaun kakitangan awam, syarikat, badan berkanun, pertubuhan serta sumbangan secara one-off atau berkala.

Akaun tersebut diurusetikan oleh Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC) di bawah Kementerian Kewangan dan ditadbir oleh Jawatankuasa Akaun yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan).

Namun, setelah lebih setahun, kerajaan belum mendedahkan jumlah kutipan bagi akaun tersebut, bagaimana kutipan tersebut diuruskan dan sama ada sumbangan tersebut digunakan sepenuhnya.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhid-

matan Awam Malaysia (Coepacs), Datuk Adnan Mat mengakui, pihak beliau sendiri tidak pernah dimaklumkan mengenai status kutipan akaun tersebut.

Katanya, beliau hanya menganggap pengurangan elaun penjawat awam dibuat sebagai tanda solidariti bagi membantu kerajaan menangani Covid-19.

"Yang kami tahu, elaun ITK atau ITKA sememangnya dikurangkan selama tiga bulan termasuk gred 29 hingga 42 dan setara yang menyumbang sebanyak RM10.

"Selebihnya, kami tidak mengetahui secara terperinci bagaimana ia digunakan, namun wang yang disalurkan oleh penjawat awam adalah ikhlas dan ia adalah satu pengorbanan ketika pandemik Covid-19," katanya ketika dihubungi.

Pada masa sama, katanya, beliau merasakan lebih ramai penjawat awam yang membuat sumbangan terhadap akaun tersebut.

"Ini berdasarkan kepada jumlah penjawat awam sekitar 1.5 hingga 1.6 juta, jadi kita hanya boleh buat anggaran namun jumlah itu sendiri pun tidak dapat disahkan," katanya.

Menurut Kementerian Kewangan, sumbangan tersebut bertujuan meringankan beban kerajaan yang meningkat dalam memenuhi keperluan mendesak bagi perolehan pelbagai peralatan dan keperluan menangani pandemik Covid-19.

Ini termasuk keperluan di hospital mahupun vaksinasi sebagai contoh, peruntukan kepada Kementerian Kesihatan bagi menampung kos pembelian kelengkapan dan peralatan kesihatan

bagi memerangi Covid-19.

Sebanyak 50 peratus elaun ITK dikurangkan bagi Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) A ke atas, JUSA B sebanyak 20 peratus, JUSA C sebanyak 10 peratus, Gred 44 hingga 56 sebanyak lima peratus, manakala RM10 daripada ITKA bagi Gred 29 hingga 41.

Bagaimanapun, sumbangan penjawat awam tidak termasuk petugas barisan hadapan dan kakitangan kerajaan Gred 1 hingga 28.

Dalam laporan perbelanjaan kerajaan persekutuan 2021, sebanyak RM39 bilion diperuntukkan untuk Kumpulan Wang Covid-19 meliputi RM2.9 bilion perbelanjaan berkaitan Covid-19, namun Laporan Ketua Audit Negara 2021 melaporkan sebanyak RM2.686 bilion dibelanjakan untuk Covid-19.

17 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 5

LCS: Lebih ramai termasuk orang kenamaan akan dipanggil SPRM

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS) tidak menolak kemungkinan akan ada lagi pendakwaan dilakukan terhadap individu-individu tertentu dalam masa terdekat.

Satu sumber mendedahkan kepada Utusan Malaysia, ada kertas siasatan yang telah dilengkapkan akan dihantar kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk semakan sebelum mendapat arahan selanjutnya.

Kata sumber itu, sepanjang siasatan, lebih 20 saksi termasuk bukti-bukti di luar negara telah diambil dan diperolehi SPRM untuk diteliti sama ada berlaku sebarang ketirisan berhubung per-

olehan kapal berkenaan.

"SPRM juga mengambil inisiatif penyelesaian antara pihak syarikat di Malaysia dan di Jerman untuk meneruskan usaha pembinaan kapal tersebut dengan menggerakkan perbincangan kedua-dua pihak yang sebelum ini seperti terbantut.

"Hasil daripada itu, kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan global settlement bagi meneruskan projek tersebut. Sehubungan itu, siasatan SPRM masih berjalan dan diperhalusi," katanya semalam.

Dalam perkembangan sama, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, lebih ramai individu termasuk orang kenamaan bakal dipanggil SPRM untuk diambil keterangan berhubung siasatan pembinaan LCS.

Azam berkata, pihaknya tidak

akan memberi pengecualian dan perlindungan kepada mana-mana pihak.

"Maklumat daripada pegawai penyiasat memberitahu, ramai lagi saksi-saksi akan dipanggil untuk diambil keterangan, bukan sahaja dari dalam negara tetapi juga melibatkan individu luar negara.

"Saya tidak menolak sesiapa sahaja (untuk diambil keterangan), baik VIP atau menteri yang terlibat dalam kes ini, semua akan dipanggil untuk memastikan siasatan kes ini dapat dijalankan," jelasnya.

Azam berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM di Kompleks SPRM Johor semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum dila-

porkan berkata, pendakwaan berhubung isu LCS pada peringkat awal sebelum ini tidak mencukupi memandangkan ia membabitkan skandal berskala besar dan ketirisan banyak.

Malah, Anwar berkata, pendakwaan sebelum ini juga tidak membabitkan tindakan kepada orang-orang yang lebih utama yang terbabit dalam isu perolehan kapal itu.

Untuk rekod, pada 16 Oktober lalu, bekas Pengarah Urusan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS), Tan Sri Ahmad Ramli Mohd. Nor dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga pertuduhan melakukan pecah amanah dana syarikat itu berjumlah RM21.08 juta berhubung pembinaan Kapal LCS bagi perolehan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Ahmad Ramli, 78, yang juga

bekas Panglima Tentera Laut mengaku tidak bersalah atas ketiga-tiga pertuduhan itu.

Media sebelum ini melaporkan, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) menyatakan kerajaan membayar RM6.083 bilion untuk lima LCS kepada BNS bagi projek runding terus itu, namun sehingga kini tiada kapal diterima.

Laporan dikeluarkan pada 4 Ogos tahun lalu itu menyenaraikan sembilan rumusan sebagai punca kepincangan projek enam LCS.

Susulan itu pada 2 Oktober tahun lalu, bekas Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, dilaporkan berkata, pembinaan LCS akan disambung semula selepas semua rundingan dan setiap perjanjian dalam fasa mobilisasi dimuktamadkan pada penghujung Disember tahun lalu.

17 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 5

SPRM teliti dokumen sukuk RM596 juta

PETALING JAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih dalam peringkat penelitian beberapa dokumen membabitkan perjanjian sukuk bernilai RM596 juta melibatkan sebuah syarikat yang dilantik melaksanakan projek berkaitan pendaftaran, pengambilan dan penyimpanan biometrik pekerja asing di Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Sumber mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, siasatan SPRM itu adalah lanjutan daripada kes projek Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) yang disiasat agensi itu melibatkan KDN sebelum ini.

Kata sumber itu, siasatan tertumpu kepada kemungkinan berlaku ketirisan ketika sukuk itu diwujudkan dalam mengumpul dana membabitkan projek yang dijalankan.

"Jadi, SPRM kini sedang meneliti kontrak pelaksanaan projek oleh syarikat itu selain pembayaran dibuat oleh bank kepada pelabur-pelabur sama ada sukuk ini digunakan untuk pembiayaan projek itu atau sebaliknya.

"Siasatan SPRM berhubung ketirisan masih di peringkat awal iaitu 15 sehingga 20 per-

tus," kata sumber.

Dalam pada itu, sumber berkenaan juga tidak menolak kemungkinan akan memanggil beberapa individu termasuk pegawai di KDN bagi membantu siasatan.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan, SPRM berjaya membongkar penyelewengan perjanjian sukuk bernilai RM596 juta untuk melaksanakan projek berkaitan pendaftaran, pengambilan dan penyimpanan biometrik pekerja asing di sebuah kementerian kerajaan.

Susulan itu, empat individu termasuk seorang pengarah, ketua pegawai kewangan dan seorang pemegang saham ditahan SPRM.

Sukuk bernilai tinggi itu diuruskan oleh sebuah bank tempatan bagi membiayai projek berkaitan dan semua perbelanjaan serta hasil projek itu perlu dimasukkan ke dalam satu akaun khas.

Bagaimanapun, akaun khas itu ditukarkan kepada akaun lain yang dipercayai sengaja diwujudkan pada awal 2022 disyaki bagi mengelakkan daripada pembayaran semula prinsipal dan keuntungan kepada pemegang sukuk.

20 MAC 2023 | ISNIN | MUKA SURAT: 7

Kementerian Pendidikan sudah hasil 70 peratus buku

Oleh MUSTAQIM MOHAMED

utusannews@mediamalaysia.com.my

KOTA BHARU: Kementerian Pendidikan sudah menghasilkan 70 peratus buku teks digital untuk kegunaan murid sekolah di negara ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Pkharuddin Ghazali berkata, bagaimanapun kementerian masih berusaha memastikan peranti mencukupi dibekalkan ke sekolah bagi membolehkan penggunaan buku teks digital diperluaskan ke seluruh negara.

"Untuk makluman, sebanyak 50,000 komputer riba telah di-luluskan untuk diagihkan ke sekolah-sekolah di seluruh negara. Perolehan itu akan dibuat mengikut formula yang sedang diperkemas supaya semua sekolah mendapat bekalan komputer riba untuk digunakan bagi tujuan pengajaran khususnya dalam penggunaan buku teks digital serta lain-lain bahan.

"Sekiranya berjalan lancar perkara ini akan diselesaikan dalam tahun semasa dan kita harap pada masa akan datang jika



PKHARUDDIN Ghazali (tengah) menyertai senamrobik bersama pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa, Kota Bharu, Kelantan, semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

ditambah, kita akan lagi mengikut kesesuaian keperluan sekolah-sekolah," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan kerja di Sekolah Jenis Kebangsaan Chinia (SJKC) Chung Hwa, di sini, semalam.

Pkharuddin memberitahu, kementerian sedang bergerak ke arah melaksanakan Dasar

Pendidikan Digital dan perkara tersebut dalam proses untuk dibawa kepada jemaah menteri.

Katanya, kekhawatiran dasar tersebut akan membawa negara ke arah pendidikan bersifat digital membolehkan golongan pelajar mendapat sumber pembelajaran lebih menarik dan

memberi impak besar terhadap kefahaman mereka.

"Bahan-bahan pengajaran digital seperti video sebenarnya telah tersedia dan boleh dimuat turun daripada platform ke-lima ke komputer riba yang dibekalkan ke sekolah-sekolah seluruh negara," ujarnya.

20 MAC 2023 | ISNIN | MUKA SURAT: 10

Tanah percuma keutamaan bina PPR

KOTA BHARU: Kerajaan negeri yang menawarkan tanah percuma atau kutipan 'nominal premium' di lokasi strategik diberi keutamaan untuk pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Menterinya Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, langkah tersebut dapat mengoptimumkan kos pembinaan projek tersebut yang sebelum ini tinggi disebabkan bayaran premium tanah.

Katanya, pengalaman lalu Kementerian terpaksa membayar cukai tanah sekitar 30 hingga 35 peratus bagi menjayakan projek tersebut.

"Situasi ini menyebabkan kualiti akan menjadi kurang. Sebab itu, kita mengalu-alukan mana-mana kerajaan negeri yang sedia bekerjasama dalam perkara ini.

"Kita akan memberi keutamaan kepada kerajaan negeri yang sedia menjalinkan kerjasama ini," katanya selepas merasmikan Pasar Tok Kenali bersama Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob di Kubang Kerian, di sini semalam.

Kor Ming berkata, kementeriannya memberi masa kepada kerajaan negeri untuk mencari tapak dan lokasi strategik.



NGA Kor Ming (dua kiri) bersama Ahmad Yakob (kanan) menurunkan tandatangan sebagai gimik perasmian Pasar Tok Kenali di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

24 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 1 & 2

Rohana pulangkan wang AS\$10j, aset dikaitkan 1MDB

Oleh MASZUREEN
HADZMAN

utusan.news@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Astro Malaysia Holdings Berhad, Datuk Rohana Rozhan telah memulangkan wang AS\$10 juta dan aset dikaitkan dengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sumber mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, kesemua wang termasuk aset tersebut dipulangkan kepada kerajaan pada tahun lalu iaitu selepas siasatan SPRM selesai.

Bagaimanapun, sumber itu berkata, beliau tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai cara dan prosedur terperinci pemulangan wang berkenaan.

"Beliau (Rohana) sudah pulangkan semua wang dan aset yang berkenaan kepada SPRM yang kemudian disalurkan kepada kerajaan," kata sumber itu ketika dihubungi semalam.

Oleh itu, kata sumber itu, siasatan membabitkan Rohana berkaitan dengan dana 1MDB selesai.

"Pihak SPRM sudah selesai dan setakat ini tidak ada apa-apa lagi yang diperlukan berhubung dana 1MDB daripada Rohana," kata sumber.

Bersambung di muka 2

24 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 1 & 2

Rohana pulangkan wang AS\$10j, aset dikaitkan 1MDB

Dari muka 1

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dalam jawapan bertulis di Parlimen menjawab pertanyaan Lim Lip Eng (PH-Keppong) memaklumkan, Jabatan Peguam Negara tidak mengetahui sekiranya Rohana telah memulangkan wang AS\$10 juta berkenaan kepada kerajaan.

Lip Eng juga meminta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak aset 1MDB yang telah dikembalikan kepada kerajaan dan berapa hutang 1MDB yang masih perlu dibayar kerajaan.

"Jabatan Peguam Negara tiada pengetahuan berkenaan perkara ini. Terima kasih," kata Azalina bagi pihak perdana menteri.

Pada 7 Mac lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan kerajaan sudah mendapatkan kembali lebih 70 peratus aset 1MDB. membabitkan jumlah kira-kira RM28.3 bilion setakat ini.

Menurut Azam, jumlah perolehan semula itu adalah kejayaan buat negara atas hasil kerja keras SPRM, Kementerian Kewangan (MOF) dan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC).

Untuk rekod, pada 13 April tahun lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan, Rohana yang didakwa mempunyai hubungan dengan

Rohana sedia pulangkan wang 1MDB

DAH MAMPUK HADIMAN

Utusan Malaysia 13 April 2022

PETALING JAYA: Datuk Rohana

Iskandar yang dikatakan mempunyai

hubungan dengan Tim

Leissner, bekas pegawai

Goldman Sachs, berjanji

untuk mengembalikan wang

AS\$10 juta yang diberikan oleh

bank itu kepada kerajaan.

Rohana yang didakwa

mempunyai hubungan dengan

Tim Leissner, bekas pegawai

Goldman Sachs, berjanji

untuk mengembalikan wang

AS\$10 juta yang diberikan oleh

bank itu kepada kerajaan.

Rohana yang didakwa

mempunyai hubungan dengan

Tim Leissner, bekas pegawai

Goldman Sachs, berjanji

untuk mengembalikan wang

AS\$10 juta yang diberikan oleh

bank itu kepada kerajaan.

Rohana yang didakwa

mempunyai hubungan dengan

Tim Leissner, bekas pegawai

Goldman Sachs, berjanji

untuk mengembalikan wang

AS\$10 juta yang diberikan oleh

bank itu kepada kerajaan.

Rohana yang didakwa

mempunyai hubungan dengan

Tim Leissner, bekas pegawai

Goldman Sachs, berjanji

untuk mengembalikan wang

AS\$10 juta yang diberikan oleh

bank itu kepada kerajaan.

Rohana yang didakwa

mempunyai hubungan dengan

Tim Leissner, bekas pegawai

Goldman Sachs, berjanji

untuk mengembalikan wang

AS\$10 juta yang diberikan oleh

bank itu kepada kerajaan.

Rohana yang didakwa

mempunyai hubungan dengan

Tim Leissner, bekas pegawai

Goldman Sachs, berjanji

untuk mengembalikan wang

AS\$10 juta yang diberikan oleh

bank itu kepada kerajaan.

Rohana yang didakwa

mempunyai hubungan dengan

Tim Leissner, bekas pegawai

Goldman Sachs, berjanji

untuk mengembalikan wang

AS\$10 juta yang diberikan oleh

bank itu kepada kerajaan.

Rohana yang didakwa

mempunyai hubungan dengan

Tim Leissner, bekas pegawai

Goldman Sachs, berjanji

untuk mengembalikan wang

AS\$10 juta yang diberikan oleh

dahan Leissner dalam perbicaraan kes bekas pegawai bank Goldman Sachs, Roger Ng berkaitan 1MDB di AS pada Februari tahun lalu.

Dalam pembicaraan itu, Leissner memberitahu mahkamah AS bahawa dia mempunyai hubungan sulit dengan tiga wanita Malaysia, termasuk Rohana.

Leissner turut mendakwa dia membelanjakan AS\$10 juta untuk membeli sebuah rumah di London untuk Rohana selepas wanita itu kecewa kerana dia memutuskan hubungan mereka selama 10 tahun untuk AS Kimora Lee Simmons pada 2013.

Sebelum itu, pada 2018, Leissner mengaku bersalah terlibat dalam pelanggaran undang-undang antirasuah AS dan konspirasi pengubahan wang.

Pertuduhan terhadapnya turut merangkumi penjualan bon berkaitan 1MDB bernilai kira-kira AS\$6.5 bilion (RM27.2 bilion), yang diuruskan dengan bantuan Goldman Sachs pada 2012 dan 2013.

Goldman Sachs pada 2020, bersetuju membayar denda AS\$3 bilion (RM12.5 bilion) dan anak syarikatnya di Malaysia mengaku bersalah di mahkamah AS.

Pada 13 Mac lalu, Parlimen diberitahu baki hutang 1MDB ialah sebanyak RM9.7 bilion manakala RM41.6 bilion aset 1MDB telah diperolehi semula.

24 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 10

Inisiatif bersepadu bantu pesawah bukan *ad hoc*

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
fadhlullah.adnan@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan disaran untuk mewujudkan satu mekanisme bersepadu bagi membantu menangani isu dalam kalangan pesawah padi seluruh negara dan bukan hanya inisiatif yang berbentuk *ad hoc* semata-mata.

Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Datuk Mazlan Aliman berkata, ini kerana umum mengetahui pesawah menjalankan aktiviti tanaman padi itu bukannya untuk mengaut keuntungan, tetapi bagi menjamin keselamatan makanan atau food security.

"Isu kenaikan input pertanian itu sememangnya sudah berlaku sejak sekian lama dan kita pun tahu masyarakat pesawah menjalankan aktiviti itu bukan mahu kaut untung.

"Mereka lebih kepada menjamin keselamatan makanan, maka mahu tidak mahu kerajaan kena beri bantuan dan tidak dinafikan beberapa bantuan sudah diberikan. Tetapi ia tak boleh sekadar bantuan, kena fikirkan penyelesaian untuk bantu pesawah padi terus bertahan.

"Sudah lah mereka berdepan harga input pertanian yang mahal, mereka juga berhadapan cuaca ekstrem sama ada musim



MAZLAN ALIMAN

tengkujuh yang menyebabkan padi akan musnah atau musim panas yang menyebabkan padi boleh mati apabila ia berlanjutan tempoh lama," katanya.

Sehubungan itu, katanya, mekanisme yang bersepadu itu perlu diteliti segera bagi mengelakkan pesawah terus berdepan kenaikan kos input pertanian dan cuaca ekstrem yang boleh menjejaskan pendapatan mereka.

Lebih membimbangkan katanya, benih-benih padi juga kadangkala bermasalah sehingga menyebabkan serangan penyakit.

"Kalau diikutkan sesetengah

pesawah mereka macam tidak mahu buat bendang dah, tetapi (terpaksa) oleh kerana menengangkan keselamatan makanan.

"Jadi perlu mekanisme itu supaya isu-isu yang membelenggu masyarakat pesawah tidak berlarutan," katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan, kira-kira 248,000 pesawah seluruh negara didakwa terkesan akibat kenaikan input pertanian terutamanya harga racun dan baja yang meningkat antara 40 hingga 100 peratus sehingga menjejaskan pendapatan mereka.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Mohd. Fuad Yacob berkata, kenaikan harga racun meningkat sejak 2020 tetapi boleh ditampung kerana kerajaan sebelum ini memberi bantuan subsidi percuma RM300 untuk sehektar padi.

Bagaimanapun katanya, bantuan tersebut menurun kepada RM200 untuk sehektar padi ketika ini sekali gus memberi kesan kepada pesawah untuk menampung kenaikan kos berkenaan. Katanya, ini kerana pesawah tetap perlu menampung pembelian tambahan barangan berkenaan meskipun kerajaan memberi bantuan pada kadar RM300 sebelum ini, apatah lagi jika ia dikurangkan RM100.

24 MAC 2023 | JUMAAT | MUKA SURAT: 12

Kes Adam dipindah untuk bicara bersama

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Pertuduhan rasuah terhadap ahli perniagaan, Adam Radlan Adam Muhammad berkaitan Program Jana Ekonomi Pemerkasaan Kontraktor Bumiputera Berwibawa (Jana Wibawa) di Mahkamah Sesyen Shah Alam, dibicara bersama dengan kes di Mahkamah Sesyen di sini.

Timbalan Ketua Bahagian Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Segambut itu menghadapi sejumlah lima pertuduhan iaitu tiga di Kuala Lumpur dan dua di Shah Alam.

Di ibu negara, Adam Radlan, 42, didakwa di dua Mahkamah Sesyen pada 21 dan 28 Februari lalu melibatkan dua pertuduhan rasuah dan satu pertuduhan meminta suapan berjumlah RM2 juta.

Tertuduh yang juga ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat, turut didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 22 Februari lalu melibatkan dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4.1 juta berkaitan projek Jana Wibawa.

Ketika kes disebut di hadapan Hakim Azura Alwi semalam, Timbalan Pendakwa Raya Maziah Mohaidi memaklumkan pihaknya berhasrat memindahkan dua pertuduhan di Shah Alam untuk dibicarakan secara bersama dengan kes di Kuala Lumpur.

Jelas beliau, kes di Shah Alam akan disebut pada 14 April ini.

Maziah turut memberitahu, pihak pendakwaan telah menyerahkan sebahagian do-



ADAM Radlan Adam Muhammad (kanan) hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bagi sebutan kes rasuah Jana Wibawa. - UTUSAN/SHIDDIEQIN ZON

kumen berkaitan perbicaraan kepada pembelaan seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 51(a) Kanun Tatacara Jenayah.

Peguam Datuk Seri Rajan Navaratnam yang mewakili Adam Radlan memaklumkan, pihak pembelaan tiada bantahan terhadap pemindahan kes dan mengesahkan sudah menerima dokumen-dokumen tersebut.

Azura kemudian menetapkan tarikh sebutan selanjutnya pada 29 Mei ini untuk serahan dokumen yang lain.

Adam Radlan dituduh menerima suapan wang tunai RM500,000 berkaitan projek Jana Wibawa dan meminta suapan sebagai dorongan untuk membantu sebuah syarikat lain mendapatkan surat setuju terima bagi projek pembinaan jalan bernilai RM47.8 juta.

Pertuduhan pertama, ahli perniagaan itu didakwa meminta suapan daripada Pengarah Urusan Syarikat MIE Infrastructure & Energy Sdn. Bhd., Mat Jusoh Mamat iaitu wang tunai sejumlah 3.5 peratus hingga tujuh peratus daripada nilai projek yang diperoleh.

Suapan itu sebagai upah membantu syarikat tersebut mendapatkan Surat Setuju Terima bagi Projek Membina Jalan Sungai Adam ke Kampung Banat, Perlis daripada Kerajaan Malaysia secara rundingan terus yang jumlah keseluruhannya bernilai RM47.8 juta.

Pertuduhan kedua, Adam Radlan didakwa menerima suapan RM500,000 ke akaun CIMB Bank Berhad miliknya daripada individu sama sebagai upah untuk tujuan serupa.

25 MAC 2023 | SABTU | MUKA SURAT: 1 & 2

Projek di Pangkalan Udara Kuala Lumpur ditangguhkan pada Mei 2017

Apa status Bandar Malaysia?

Oleh AHMAD
FADHULLAH ADNAN
fadhullah.adnan@mediasamula.com.my

PETALING JAYA: Projek Bandar Malaysia yang dirancang di bekas lapangan terbang lama Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL) di Sungai Besi masih

menimbulkan pelbagai persoalan sama ada ia akan diteruskan atau sebaliknya sejak dilancarkan pada 2011.

Bandar Malaysia adalah projek pembangunan berkeluasan 197 hektar menggunakan model pembangunan perkongsian awam-swasta untuk memba-

ngunkan pembangunan bercampur berorientasikan transit.

Kerajaan Pakatan Harapan (PH) pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini mengemukakan untuk meneruskan semula projek berkenaan dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM140 bilion selepas ia

ditangguhkan secara tiba-tiba pada Mei 2017.

Selain itu, Kabinet pimpinan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini bersetuju Bandar Malaysia dibangunkan secara berpak-kej melibatkan banyak pihak.

Bersambung di muka 2

Apa status Bandar Malaysia?

Dari muka 1

Namun, sama ada skala projek ini dikekalkan atau berubah daripada pelan asal masih belum ditentukan kerajaan sebelum ini kerana ia masih dibincangkan antara Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan pada masa itu.


Biarpun Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim belum menyatakan pendirian atau kata putus berhubung projek itu, pelaksanaannya masih menimbulkan reaksi berbeza dalam kalangan penganalisis hartanah dan ekonomi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penganalisis hartanah, Ishak Ismail berkata, sebarang keputusan sama ada projek itu diteruskan atau sebaliknya perlu mengambil kira keadaan negara terutamanya situasi ekonomi.

Katanya, ia bagi mengelakkan Malaysia terus kerugian disebabkan ruang komersial yang berlebihan berikutan tidak dapat memberi pulangan sewaan kepada pendapatan negara.

"Projek Bandar Malaysia adalah satu projek yang memberi impak positif kepada ekonomi negara. Bagaimanapun, perlu faham bahawa tanah itu milik kerajaan yang perlu ditukar ganti dengan tapak lain dan pembangunan projek itu perlu diselarikan dengan projek kereta api. Maka ia sebenarnya memberi sedikit tekanan kepada peruntukan kos untuk pembinaan yang akan memberi sambungan untuk Bandar Malaysia.

"Oleh itu, mungkin projek ini boleh diteruskan apabila keadaan ekonomi pulih sepenuhnya



LAKARAN grafik projek Bandar Malaysia pada September 2015 yang statusnya kini menjadi tanda tanya.

yang dijangka pada 2025 atau 2026, sebab sekarang ini berlaku lambakan hartanah komersial. Jadi Bandar Malaysia pasti akan memberi tekanan dan penawaran ruang komersial serta memberi masalah kepada kadar serapan hartanah di pasaran," katanya semalam.

Mengulas lanjut, Ishak yang juga Presiden Persatuan Perunding Hartanah Muslim Malaysia (PEHAM) berkata, lebih penawaran ruang komersial yang berlaku ketika ini mencapai tahap membimbangkan kerana pemain di pasaran masih kekal pada jumlah yang sama.

Katanya, ini kerana negara masih gagal menarik pelabur asing skala besar yang merupakan sasaran untuk menyerap ruang komersial yang sudah atau mahu dibangunkan itu.

"Dulu fokus pelabur dari China dan Timur, jadi mungkin mereka sekarang ini sedang bergelut dengan negara masing-

masing. Jika mahu tumpukan ruang itu diserap pembeli atau penyewa tempatan, maka itu sedikit merisaukan.

"Sebab kita boleh lihat yang Permodalan Nasional Berhad (PNB) berpindah ke Merdeka 118 untuk penuhkan ruang, jadi Menara PNB, Jalan Tun Razak pasti akan kosong dan tak pasti siapa yang akan menyewa di situ, sama juga situasi di hab kewangan negara, Tun Razak Exchange (TRX).

"Jadi dua projek yang berdekatan Bandar Malaysia iaitu Menara PNB dan TRX itu perlu diselarkan dahulu kadar penghuni sebab pengurangan kadar itu mencerminkan masalah lebih ruang yang tidak dapat diserap.

"Kalau Bandar Malaysia masuk lagi, bimbang lebih itu akan berlaku sebab akan ada stok yang tidak dijual yang boleh merugikan negara jika tidak dipusingkan di pasaran," katanya.

25 MAC 2023 | SABTU | MUKA SURAT: 1 & 3

Lagi aset 1MDB sedang dikesan

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini dalam usaha mengesan dan mendapatkan semula aset syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) daripada beberapa lagi nama yang disebut bekas Pengerusi Asia Tenggara Goldman Sachs, Tim Leissner.

Tanpa memperinci individu dan nilai berkenaan, satu sumber mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, tindakan itu adalah usaha berterusan SPRM selepas berjaya dapatkan semula wang AS\$10 juta dari bekas Ketua Pegawai Eksekutif Astro Malaysia Holdings Berhad, Datuk Rohana Rozhan tahun lalu.

Bersambung di muka 3

Lagi aset 1MDB sedang dikesan

Dari muka 1

"SPRM kini dalam proses memperinci aset-aset daripada nama-nama tertentu yang disebut oleh Tim Leissner.

"Bagaimanapun tindakan itu mengambil masa yang panjang memandangkan maklumat-maklumat yang diperoleh SPRM dari luar negara," katanya di sini semalam.

Utusan Malaysia pada 23 Januari 2022 melaporkan, terdapat beberapa nama besar dikenal pasti telah menerima dana berkaitan 1MDB, bagaimanapun ia tidak pernah didedahkan mana-mana pihak.

Perkara itu jelas dilihat susulan usaha SPRM melakukan pemulihan aset di dalam dan luar negara seperti Switzerland, Kuwait, Mauritius, Cyprus, Hong

Kong yang melibatkan individu yang mempunyai kaitan dengan kes 1MDB bernilai RM20.5 bilion.

Dalam perkembangan sama, sumber berkata, pemulangan kesemua wang dan aset diperoleh Rohana dilakukan selepas siasatan mendapati beliau tidak ada pengetahuan tentang sumber dana dikaitkan dengan penyelewengan dana 1MDB yang dihantar Tim Leissner.

Sehubungan itu kata sumber, Rohana telah memulangkan keseluruhan jumlah wang dan aset tersebut secara sukarela kepada Kerajaan Malaysia.

"Siasatan SPRM membabitkan Rohana berkaitan dengan dana 1MDB selesai dan tiada tindakan undang-undang susulan terhadapnya," katanya.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam

Baki ketika dihubungi *Utusan Malaysia* mengesahkan pemulangan wang AS\$10 juta oleh Rohana.

Bagaimanapun beliau enggan memperinci perkara itu dan sekali lagi menegaskan sebanyak RM28.93 bilion iaitu lebih kurang 70 peratus jumlah keseluruhan dana 1MDB yang telah berjaya dikembalikan.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak membuat laporan kepada SPRM pada 27 Oktober 2021 supaya tindakan diambil terhadap individu dalam kerajaan dan 1MDB yang menerima sogokan daripada bekas pegawai tertinggi Goldman Sachs itu.

Laporan itu supaya pihak berkuasa boleh menyoal siasat atau mengekstradisi bekas pegawai tertinggi Goldman

Sachs itu.

Pada 13 April 2022, *Utusan Malaysia* melaporkan, Rohana yang didakwa mempunyai hubungan dengan Tim Leissner bersetuju menyerahkan semula wang AS\$10 juta yang diberikan oleh bekas pegawai bank Goldman Sachs Group Inc. berkenaan.

Rohana didakwa menggunakan wang AS\$10 juta yang diberikan oleh Leissner termasuk membeli sebuah rumah di London yang dikatakan bernilai RM29 juta (AS\$7 juta).

Kaitan Rohana dengan dana 1MDB bermula susulan pendudukan Leissner dalam perbicaraan kes bekas pegawai bank Goldman Sachs, Roger Ng berkaitan 1MDB di Amerika Syarikat (AS) pada Februari tahun lalu.

25 MAC 2023 | SABTU | MUKA SURAT: 4

Konsesi Puspakom dilanjut 15 tahun lagi

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan melanjutkan perjanjian konsesi Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) selama 15 tahun lagi berkuat kuasa 1 September 2024 dengan penambahbaikan terma-perjanjian sedia ada.

Menteri Pengangkutan, Loke Siew Fook berkata, Puspakom turut diminta melaksanakan beberapa penambahbaikan termasuk meningkatkan tahap kompetensi kakitangan, menambah baik proses tempahan dan aduan pelanggan serta memasang sistem rakaman litar tertutup (CCTV) di semua pusat pemeriksaan.

Katanya, perkara itu diputuskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 17 Mac lalu.

Katanya, mesyuarat itu turut menetapkan supaya perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan bermotor dibuka kepada semua pihak yang layak.

Beliau berkata, ia selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan persekitaran perkhidmatan berdaya saing serta memudahkan rakyat.

"Pihak yang berminat dalam perkhidmatan pemeriksaan kenderaan bermotor dipelawa mengemukakan permohonan yang dijangka dibuka pada suku pertama 2024.

"Kementerian Pengangkutan dan JPJ akan membangunkan syarat kelayakan, peraturan pengoperasian, skop perkhidmatan penetapan lokasi pemeriksaan dan garis panduan



LOKE Siew Fook (tengah) dalam sidang akhbar di Kementerian Pengangkutan di Putrajaya, semalam.

bagi pihak lain yang berminat menyediakan perkhidmatan itu," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Loke berkata, pihak yang berminat diwajibkan memenuhi semua syarat dan peraturan sama seperti yang dikenakan kepada Puspakom di bawah Perjanjian Konsesi.

Katanya, syarat berkenaan termasuk melantik pekerja yang memenuhi syarat kelayakan ditetapkan sahaja selain menyediakan dan menggunakan peralatan pemeriksaan berkomputer yang dikawal selia dan diluluskan oleh JPJ.

Menurutnya, pihak lain itu juga perlu menyediakan perkhidmatan dengan mematuhi skop, standard dan prosedur pemerik-

saan motor yang ditetapkan sepenuhnya.

"Mereka juga hanya boleh mengenakan kadar fi pemeriksaan yang ditetapkan dan tidak dibenarkan menawarkan khidmat pembaikan atau ubah suai kenderaan serta penjualan alat ganti," katanya.

Jelasnya, kementerian juga akan memastikan pembukaan pemeriksaan berkala kepada pihak lain tidak menyumbang kepada elemen persaingan tidak sihat serta membawa kesan negatif kepada perkhidmatan itu.

Katanya, mereka yang berjaya akan dibenarkan untuk beroperasi sebagai pusat pemeriksaan berkala kenderaan motor bagi pihak JPJ pada masa hadapan.

25 MAC 2023 | SABTU | MUKA SURAT: 8

Bekas kakitangan MPNM diarah bela diri

MELAKA: Seorang bekas Penolong Setiausaha Eksekutif Majlis Pengangkap Negeri Melaka (MPNM) diarah membela diri oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas 30 pertuduhan pecah amanah membabitkan bayaran sewa premis berjumlah RM63,400.

Hakim Elesabet Paya Wan membuat keputusan itu selepas mendapati wujud kes prima facie terhadap Ahmad Danial Osman, 33, setelah mempertimbangkan keterangan saksi pendakwaan serta hujah pihak pendakwa dan pembelaan.

Kata beliau, mahkamah mendapati anggapian undang-undang mengikut Seksyen 409B (1) Kanun Keseksaan yang dihujahkan pendakwaan bahawa tertuduh mempunyai niat curang menyalahgunakan wang sewaan itu adalah terpakai bagi kesemua pertuduhan.

"Atas alasan-alasan ini dan merujuk kepada Seksyen 173 Kanun Tatacara Jenayah, tertuduh dipanggil membela diri terhadap semua pertuduhan," katanya ketika memberikan keputusan di akhir kes pendakwaan.

Mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan untuk Ahmad Daniel membela diri pada 8, 9 dan 22 Jun depan.

Ahmad Danial didakwa menyalahgunakan bayaran sewa bangunan milik MPNM berjumlah RM63,400 antara 5 Oktober 2015 hingga 30 Januari 2018.

Sabit kesalahan boleh dipenjara minimum enam bulan dan maksimum lima tahun dan dengan sebat dan denda mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan.

Sepanjang perbicaraan sejak 13 September 2022, pihak pendakwaan memanggil 21 saksi untuk memberi keterangan sebelum menutup kes.

26 MAC 2023 | AHAD | MUKA SURAT: 4

Dibayar RM300 'lepaskan' 1,050 PATI

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Betapa murah harga integriti pegawai penguat kuasa apabila boleh 'dibeli' dengan hanya RM300 oleh sindiket bagi melepaskan kira-kira 1,050 pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Filipina masuk ke negara ini.

Itulah nilai yang diterima lima pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Op Lancar kerana bersekongkol dengan satu sindiket penyeludupan migran di Lapangan Terbang Tawau dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).

Hasil siasatan SPRM mendapati, kesemua PATI itu mendapatkan 'keistimewaan' apabila mereka dibekalkan Mykad tulen milik warga tempatan sebelum melalui kaunter khas yang dijaga oleh pegawai Imigresen terlibat.

Satu sumber mendedahkan kepada *Mingguan Malaysia*, selain itu, *boarding pass* atau pas masuk pemilik asal Mykad yang digunakan juga akan dicop terlebih dahulu oleh pegawai Imigresen terlibat.

Kata sumber itu, sindiket akan memperoleh Mykad tulen itu dengan cara 'meminjam' daripada warga tempatan terdiri orang kampung, saudara mara dan kenalan rapat yang terdesak menggunakan wang dengan bayaran



Antara warga asing yang terlibat dengan pelbagai aktiviti haram pelacuran, rumah urut dan lain-lain sehingga boleh mengganggu gugat keselamatan negara."

RM200 sehingga 300 seorang.

"Kemudian, mereka akan guna Mykad berkenaan untuk membuat pembelian tiket penerbangan pesawat sebelum mereka akan menyamar sebagai rakyat Malaysia ketika melalui pemeriksaan pihak berkuasa di lapangan terbang di Sabah.

"Kesemua pegawai yang terdiri daripada kumpulan gred di bawah 22 itu akan 'melepaskan' pati-pati berkenaan meskipun wajah mereka langsung tidak sama dengan Mykad," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, kata sumber itu, sindiket akan menggunakan Mykad sama untuk membawa PATI yang berbeza keluar dan masuk menerusi dua lapangan terbang itu dalam tempoh sebulan.

"Tidak mustahil juga, mereka yang terlepas masuk ini juga antara warga asing yang terlibat

dengan pelbagai aktiviti haram pelacuran, rumah urut dan lain-lain sehingga boleh mengganggu gugat keselamatan negara ini. Lebih membimbangkan, ada diantara PATI-PATI ini adalah mereka yang disenarai hitam sebagai penganas," jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* mengesahkan perkara itu.

Sementara itu, SPRM dalam satu kenyataan memberitahu, antara lima hingga 20 orang PATI di Sabah telah dilepaskan semasa pemeriksaan pihak berkuasa di Lapangan Terbang Tawau dan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) selepas bayaran rasuah dibuat.

Kegiatan sejak 2018 itu terbongkar selepas sembilan individu termasuk lima pegawai penguat kuasa ditahan SPRM kelmarin kerana disyaki terlibat.

Penahanan kira-kira pukul 2.30 petang sehingga 8.40 malam itu membabitkan lima termasuk dua pegawai wanita berusia antara 30 hingga 41 tahun.

Operasi khas 'Op Lancar' itu dijalankan SPRM bersama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Mengulas lanjut mengenai operasi tersebut, SPRM telah merampas beberapa barangan seperti telefon bimbit, kad pengenalan Malaysia milik individu lain dan cop keluar Sabah yang lengkap dengan nombor siri.

26 MAC 2023 | AHAD | MUKA SURAT: 6

Jika kerajaan mahu meneruskan projek Bandar Malaysia

Elak guna dana kerajaan

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
fadhullah.adnan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu mengelak daripada menggunakan dana kerajaan jika mahu meneruskan projek Bandar Malaysia yang kini terhenti.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berpendapat, projek itu boleh diteruskan jika dibiayai sepenuhnya atau secara berpakaj oleh pihak swasta.

Katanya, ia bagi mengelakkan kewangan negara terus terbeban terutamanya untuk membiayai projek tersebut yang memerlukan dana yang besar.

Pada masa sama, beliau optimis projek yang dilancarkan

sejak 2011 itu mampu menarik pelabur asing untuk membangunkan Bandar Malaysia.

"Jika pelan perniagaan Bandar Malaysia mampu memberi pulangan pelaburan yang tinggi, apabila ia dilaksanakan, pelabur luar sudah tentu akan datang melabur walaupun ekonomi negara masih lagi berdepan pelbagai cabaran," jelasnya ketika dihubungi, semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan, projek Bandar Malaysia yang dirancang di bekas lapangan terbang lama Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL) di Sungai Besi masih menimbulkan pelbagai persoalan tentang statusnya.

Biarpun kerajaan belum menyatakan pendirian berhubung projek itu, pelaksanaannya masih menimbulkan reaksi berbeza dalam kalangan penganali-



sis hartanah dan ekonomi.

Penganalisis Hartanah, Ishak Ismail berkata, sebarang keputusan sama ada projek itu diteruskan atau sebaliknya perlu mengambil kira keadaan negara terutamanya situasi ekonomi.

Katanya, ia bagi mengelakkan Malaysia terus kerugian disebabkan ruang komersial yang berlebihan berikutan tidak da-

pat memberi pulangan sewaan kepada pendapatan negara.

Untuk rekod, Bandar Malaysia adalah projek pembangunan berkeluasan 197 hektar menggunakan model pembangunan perkongsian awam-swasta untuk membangunkan pembangunan bercampur berorientasikan transit.

Kerajaan Pakatan Harapan (PH) pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini mengumumkan untuk meneruskan semula projek berkenaan dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM140 bilion selepas ia ditangguhkan secara tiba-tiba pada Mei 2017.

Selain itu, Kabinet pimpinan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini bersetuju Bandar Malaysia dibangunkan secara berpakaj melibatkan banyak pihak.

26 MAC 2023 | AHAD | MUKA SURAT: 7

Subsidi RM100j jualan Rahmah Aidilfitri

JERANTUT: Sebanyak RM100 juta diperuntukkan bagi Program Jualan Rahmah sempena bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Senator Fuziah Salleh berkata, program Jualan Rahmah sudah dilaksanakan di 134 buah lokasi merangkumi 29 kawasan Parlimen seluruh negara secara berperingkat sehingga menjelang Aidilfitri.

Menerusi Program Jualan Rahmah, penduduk boleh berjimat 20 item barang keperluan dapur dengan harga murah, misalnya ayam standard dijual pada harga RM7.99 sekilogram berbanding harga siling RM9.40 bagi berat yang sama, manakala harga telur gred C berharga RM10 berbanding harga siling, RM12.30.

27 MAC 2023 | ISNIN | MUKA SURAT: 1 & 4

Dua pegawai khas bekas PM antara individu dikenal pasti SPRM

20 lagi terima dana 1MDB

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kira-kira 20 orang termasuk dua pegawai khas kepada seorang bekas Perdana Menteri antara dikenal pasti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sebagai individu didakwa turut memiliki aset menggunakan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sumber mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, aset-aset tersebut seperti hartanah, wang tunai dan saham dengan semuanya dikesan berada di negara luar.

Selain itu, kata sumber, terdapat juga aset-aset tersebut dalam bentuk seperti lukisan dan barang kemas yang dibeli individu terbabit menggunakan dana 1MDB.

"Semua aset yang dikenal pasti adalah sebahagian 30 peratus dana 1MDB yang masih diperincikan SPRM untuk mendatakannya semula.

"Aset-aset dipercayai berada di negara seperti Hong Kong, Perancis, Switzerland, Luxembourg, Singapura, Amerika Syarikat, Kuwait, Jerman, Mauritius dan luar pesisir serta beberapa negara lain," kata sumber semalam.

Bersambung di muka 4

27 MAC 2023 | ISNIN | MUKA SURAT: 1 & 4

20 individu terima dana 1MDB

Dari muka 3

Kata sumber itu lagi, kira-kira 20 individu berkenaan adalah nama-nama yang disebut bekas Pengerusi Asia Tenggara Goldman Sachs, Tim Leissner.

"SPRM ketika ini giat melakukan pemulihan aset berkenaan dengan menjalinkan kerjasama dengan Agensi Penguatkuasa Undang-Undang (LEA) di negara-negara terlibat," kata sumber.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, SPRM mengesan untuk mendapatkan semula aset-aset membabitkan syarikat pelaburan strategik, 1MDB terhadap beberapa lagi nama yang disebut bekas Leissner.

Proses dan siasatan berkaitan dana 1MDB adalah usaha berterusan SPRM selepas mereka berjaya mendapatkan semula wang AS\$10 juta daripada bekas Ketua Pegawai Eksekutif Astro Malaysia Holdings Berhad, Datuk Rohana Rozhan pada tahun lalu.

Rohana dilaporkan memulangkan wang tersebut secara sukarela tahun lepas.

Bagaimanapun, proses dan siasatan membabitkan aset aset di luar negara tersebut mengambil masa panjang kerana maklumat-maklumat yang perlu diperoleh membatik negara lain.

Minggu lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dalam jawapan bertulis di Parlimen menjawab pertanyaan Lim Lip Eng



SPRM ketika ini giat melakukan pemulihan aset berkenaan dengan menjalinkan kerjasama Agensi Penguatkuasa Undang-Undang (LEA) di negara-negara terlibat."

Rohana pulangkan wang AS\$10j, aset dikaitkan 1MDB

Oleh MASZUREEN HADZMAN
utusan.news@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Astro Malaysia Holdings Berhad, Datuk Rohana Rozhan telah memulangkan wang AS\$10 juta dan aset dikaitkan dengan dana 1MDB.

UTUSAN
Malaysia
24 Mac
2023

(PH-Kepong) memaklumkan, Jabatan Peguam Negara tidak mengetahui sekiranya Rohana

na telah memulangkan wang AS\$10 juta berkenaan kepada kerajaan.

Pada 7 Mac lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan, kerajaan sudah mendapatkan kembali lebih 70 peratus aset 1MDB membabitkan jumlah kira-kira RM28.3 bilion.

Pada 13 April tahun lalu, akhbar ini melaporkan, Rohana yang didakwa mempunyai hubungan dengan Leissner bersetuju menyerahkan semula wang AS\$10 juta yang diberikan oleh bekas pegawai bank Goldman Sachs Group Inc berkenaan.

Rohana didakwa menggunakan wang AS\$10 juta yang diberikan oleh Leissner termasuk membeli sebuah rumah di London yang dikatakan bernilai RM29 juta (AS\$7 juta).

Kaitan Rohana dengan dana 1MDB bermula susulan pendedahan Leissner dalam percicaraan kes bekas pegawai bank Goldman Sachs, Roger Ng berkaitan 1MDB di AS, pada Februari tahun lalu.

Dalam pembicaraan itu, Leissner memberitahu mahkamah AS bahawa dia mempunyai hubungan sulit dengan tiga wanita Malaysia, termasuk Rohana.

27 MAC 2023 | ISNIN | MUKA SURAT: 9

SPRM, JPN buru rakyat jual Mykad

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sedang mengesan pemilik kad pengenalan (Mykad) milik rakyat tempatan tetapi digunakan sindiket tertentu untuk 'melepaskan' 1,050 PATI warga Filipina ke negara ini.

Menurut sumber, kesemua individu berkenaan dipercayai tinggal di beberapa daerah di Sabah dan Semenanjung.

Jelasnya, kesemua pemilik Mykad berkenaan dipercayai bersubahat dengan sindiket-sindiket migran ini dengan bayaran RM200 hingga RM300 bagi digunakan warga asing terlibat dengan tujuan mendapatkan kemudahan dan 'keistimewaan' sama seperti rakyat negara ini.

"Menerusi Op Lancar, SPRM mengesan ada rakyat tempatan sanggup menjadi pengkhianat menjual Mykad mereka kepada sindiket-sindiket ini," kata sum-



ANGGOTA Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melakukan operasi mengesan pemilik asal Mykad yang digunakan sindiket bagi membawa masuk pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara ini.

ber berkenaan kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Beliau berkata, hanya satu sindiket yang dikesan SPRM berhubung kegiatan itu dan menimbulkan kebimbangan sekiranya jika ada sindiket lain melakukan kegiatan sama dan

tidak dikesan.

"Tidak mustahil negara kita mudah 'dibolosi' sesiapa sahaja termasuk penjenayah yang telah disenarai hitam untuk masuk ke negara ini," katanya.

Mengulas lanjut, kata sumber itu, menerusi Op Lancar seban-

yak 27 individu termasuk lima individu telah ditahan kerana terlibat dalam sindiket penyeludupan migran.

Kata sumber itu, tangkapan terbaharu membabitkan 11 PATI dipercayai menggunakan Mykad rakyat tempatan dengan

sembilan individu diberkas JPN di Johor dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).

"Dua lagi PATI ditahan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Tawau, Sabah. Menerusi operasi sama sebanyak tujuh pemilik Mykad turut ditahan di Semporna, Sabah," jelasnya.

Mingguan Malaysia semalam melaporkan, betapa murahnyanya nilai integriti pegawai penguat kuasa sehingga boleh 'dibeli' dengan RM300 oleh sindiket penyeludupan migran.

Hasil siasatan SPRM mendapati, kesemua PATI itu dengan mudah mendapatkan 'keistimewaan' apabila mereka dibekalkan Mykad tulen milik warga tempatan sebelum melahui kaunter-kaunter khas yang dijaja oleh pegawai Imigresen terlibat sebelum dibenarkan menaiki pesawat komersial tanpa pemeriksaanan.

Selain itu juga, *boarding pass* atau pas masuk pemilik asal Mykad yang digunakan juga akan di cop terlebih dahulu oleh pegawai Imigresen terlibat.

27 MAC 2023 | ISNIN | MUKA SURAT: 37

Merugikan, Rumah Puspanita semak, terbiar

TELUK INTAN: Sebuah bangunan yang sebelum ini menjadi pusat pelbagai kegiatan untuk Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) Hilir Perak di sini, kini didapati terbiar.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, bangunan Rumah Puspanita Daerah Hilir Perak itu yang terletak bersebelahan sebuah pusat beli belah itu dinaiki semak samun dan dikatakan keadaan itu sudah berlarutan sejak lima tahun lalu.

Seorang Ahli Jawatankuasa Puspanita Daerah Hilir Perak, Azizatul Hamzah, 37, berkata, sebelum ini bangunan itu menjadi pusat kegiatan Puspanita daerah Hilir Perak menjalankan aktivitinya namun sejak tahun 2016 bangunan itu dibiarkan kosong berikutan kerosakan teruk pada bahagian atap bangunan itu.

Katanya, ini menyebabkan aktiviti Puspanita tidak lagi dijalankan di bangunan itu dan keadaannya terbiar sehingga dinaiki semak.

"Disebabkan kami tidak dapat menggunakan lagi bangunan ini, kami mengadakan aktiviti persatuan seperti hi-tea, majlis makan



KEADAAN bangunan Rumah Puspanita Hilir Perak yang semak dan terbiar ketika tinjauan di Teluk Intan, Perak, baru-baru ini. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

malam, ceramah dan mesyuarat dengan menyewa tempat lain.

"Adalah merugikan kerana bangunan ini terbiar. Kami bimbang bangunan terbiar ini menjadi tempat membiak haiwan berbisa atau sarang penagih," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Azizatul berkata, ahli Puspanita daerah itu berpandangan jika bangunan itu hendak dirobohkan, dicadangkan dibina semula satu kawasan terbuka seperti

Arena Square di sini, supaya dapat dimanfaatkan orang ramai.

Menurutnya, jika tiada cadangan untuk merobohkannya, bangunan itu perlu dibaik pulih sepenuhnya supaya persatuan itu tidak perlu menyewa tempat lain untuk menjalankan aktiviti.

"Namun bagi kami lebih baik dibina bangunan baharu kerana kerosakan pada bangunan ini agak teruk, selain bangunannya agak usang dan mungkin tidak selamat

diduduki.

"Kawasan sekelilingnya juga berlembah, tanahnya rendah dan sering dilanda banjir. Air yang bertakung sukar mengalir keluar kerana kawasan sebelah bangunan pusat perniagaan bersebelahan lebih tinggi," katanya.

Menurutnya, sekiranya persatuan itu mempunyai bangunan untuk menjalankan aktiviti, pihaknya merancang pelbagai program yang dapat memberikan dana kepada persatuan itu.

"Jika bangunan ini boleh digunakan, pelbagai aktiviti boleh diadakan kerana kedudukannya strategik, di laluan utama di bandar ini.

"Kami merancang pelbagai aktiviti yang dapat menarik orang ramai dan aktifkan semula penglibatan ahli Puspanita sekaligus menambah keahlian.

"Antara yang dirancang termasuk *car boot sale*, acara sukan dalam dewan, sukaneka, sukan tradisional kerana ahli ramai yang veteran, *ladies night*, pertandingan memasak, gerai jualan ahli Puspanita, ceramah agama, kelas gubahan, kelas solekan, aerobik dan pelbagai aktiviti lain," katanya.

28 MAC 2023 | SELASA | MUKA SURAT: 1&3

35,000 mengajar 1.3 juta murid di seluruh negara dibayar elaun RM1,000-RM1,300

Nasib guru KAFA dikaji

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Isu perjawatan dan bayaran elaun rendah kepada 35,000 guru Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) sedang dikaji bagi membolehkan mereka diserapkan ke jawatan seperti penjawat awam lain dan

menerima gaji setimpal.

Sejak sekolah agama diperkenalkan 33 tahun lalu, guru-guru KAFA yang mengajar 1.3 juta murid hanya dibayar elaun kontrak antara RM1,000 hingga RM1,300 sebulan.

Elaun bulanan tersebut bukan sahaja berbeza antara negeri tetapi pendapatan mereka

juga dalam kategori di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM2,208 sebulan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, antara syarat untuk mengubah nasib guru KAFA ialah Jabatan Perkhidma-

tan Awam (JPA) mengkehendaki masa bekerja guru-guru KAFA mesti lima hari seminggu dengan lapan jam sehari.

Menurut beliau, dengan memenuhi syarat masa bekerja tersebut ia adalah syarat asas untuk 35,000 guru KAFA menerima gaji dan bukan lagi elaun bulanan.

Selain itu, kata beliau, keter-

seediaan premis dijadikan tempat mengajar sepenuh masa, memperincikan hasil program KAFA kepada negara, menilai implikasi kewangan kepada kumpulan guru itu sedang diperincikan kerajaan bagi menambah baik perjawatan guru KAFA.

Bersambung di muka 3

Nasib guru KAFA dikaji

Dari muka 1

"Semua perkara itu diputuskan dalam sesi libat urus bersama Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), JPA dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tahun lalu.

"Ia bagi membolehkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) memperkemas beberapa aspek utama tersebut termasuk menyediakan implikasi kewangan bagi kos-kos lain berkaitan," kata beliau.

Mohd. Na'im berkata, Jakim turut sedang membuat penelitian berhubung kelayakan ikhtisas para guru dan cadangan perjawatan kepada JPA dan seterusnya kelulusan MoF.

Menurut beliau, pelantikan guru KAFA ketika ini di bawah bidang kuasa Agensi Pelaksana KAFA Negeri dan tidak disandarkan kepada mana-mana skim Perkhidmatan Awam Persekutuan mahupun skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan serta hanya menerima elaun daripada kerajaan.

Pada masa sama, katanya, guru-guru KAFA juga perlu memenuhi kelayakan ikhtisas yang merupakan elemen penting bagi memenuhi syarat dan kelayakan yang ditentukan JPA.

"Pun begitu, kerajaan pada hari ini amat menyanjung tinggi serta mengiktiraf peranan para guru KAFA khususnya dalam pendidikan Islam yang diza-

hirkan dalam Belanjawan 2023 yang bersetuju menaikkan elaun 35,000 guru KAFA sebanyak RM100 kepada RM1,100 dengan peruntukan tambahan lebih RM 40 juta," katanya.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Agama Malaysia Barat (KK-GAMB), Muhd. Fadhlil Jusoh berkata, guru KAFA yang berstatus lantikan tahunan menyebabkan sukar untuk urusan pinjaman kewangan.

Menurut beliau, upah dan elaun guru-guru berkenaan hanya RM1,000 sebulan sekali gus meletakkan pendapatan mereka di bawah kemiskinan dan tidak seperti penjawat awam lain.

"Program KAFA lebih 30 tahun dan sudah membesar. Ia bukan lagi program sokongan seperti dulu. KAFA sudah menjadi sistem yang besar dan utama.

"Peranan dipikul guru-guru ini besar sama golongan pendidik lain dalam memberikan pendidikan agama Islam. Semua ibu bapa cari KAFA dan ia sudah menjadi sebagai kehidupan masa ini.

"Sudah sampai masanya kerajaan menggunakan peruntukan Perlembagaan Perkara 3 Islam Agama Persekutuan, jadi boleh menggunakan apa-apa peruntukan daripada wang disatukan negara untuk kepentingan agama Islam," katanya.

28 MAC 2023 | SELASA | MUKA SURAT: 1&2

'Korupsi penguat kuasa semakin kronik'

Oleh NURAINA HANIS
ABD. HALIM
hanis.halim@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tahap korupsi anggota penguat kuasa selaku barisan hadapan keselamatan negara semakin kronik dan membimbangkan.

Ini ekoran banjir warga asing yang dilihat sebagai peluang besar terhadap segelintir penguat kuasa tidak berintegriti untuk membuat duit menerusi perbuatan rasuah.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, menerusi maklumat pendatang asing tanpa izin (PATI), pekerja warga asing dan pelajar luar negara menjadi sasaran kepada penguat kuasa untuk meminta rasuah.

Bersambung di muka 2

'Korupsi penguat kuasa semakin kronik'

Dari muka 1

"Tidak kira sama ada kumpulan tersebut ada permit kerja, visa pelajar apatah lagi 'kosong' dan berstatus PATI, penguat kuasa tidak berintegriti menjadikan mereka sasaran minta rasuah," kata beliau dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, rasuah juga berlaku ketika permohonan kemasukan warga asing atau membabitkan permohonan kuota dengan ejen-ejen membayar penguat kuasa bagi mempercepatkan proses.

Malah kata beliau, dengan bayaran rasuah, warga asing atau pekerja asing yang disenaraikan turut boleh memasuki negara ini.

"Selain itu, rasuah juga berlaku di jalanan bagi mengelakkan tindakan diambil walaupun warga asing itu ada dokumen lengkap.

"Rasuah juga berlaku apabila penguat kuasa melindungi kegiatan tidak bermoral seperti rumah urut, pelacuran serta Macau Scam," kata beliau.

Ahmad Khusairi berkata, rasuah juga dikesan dalam hal untuk mendapatkan kerakyatan, sijil beranak selain untuk aktiviti perlombongan dan meneroka tanah secara haram.

Menurut beliau, semua yang disebut hanya sebahagian daripada apa yang berlaku antara penguat kuasa dengan PATI dan warga asing yang berada di negara ini.

"Justeru, kehadiran PATI dan warga asing secara tidak



AHMAD KHUSAIRI YAHAYA

langsung mewujudkan ruang dan peluang kepada anggota-anggota penguat kuasa untuk mengutip rasuah secara kecil-kecilan, bulanan mahupun bersindiket," tegas beliau.

Oleh itu, kata Ahmad Khusairi, isu banjir PATI dan warga asing tidak boleh dilihat sebagai perkara remeh kerana kesannya amat buruk apabila melibatkan masalah sosial, jenayah, kesihatan dan keselamatan negara.

"Perkara ini sungguh menyedihkan dan pahit untuk ditelan namun inilah yang sering dihadapi oleh golongan warga asing mahupun PATI.

"Hakikat yang berlaku sedang mendatangkan imej yang amat buruk kepada Malaysia. Slogan 'Malaysia Boleh' dijadikan sindiran sinis yang membawa pengertian yang cukup memedihkan yang mana semua perkara boleh diselesaikan dengan membayar rasuah.

"Justeru, tidak hairan Ma-



Rasuah juga berlaku apabila penguat kuasa melindungi kegiatan tidak bermoral seperti rumah urut, pelacuran serta Macau Scam."

laysia menjadi antara tumpuan pekerja asing mendapatkan pekerjaan, pusat transit dadah di rantau Asia Tenggara, pusat penipuan dan pelaburan palsu antarabangsa, judi online, Macau Scam, pelacuran antarabangsa dan sebagainya," katanya.

Kata beliau, pendedahan SPRM menerusi Op Tropicana, Op Bolos KLIA 1 dan 2, Op Lancar dan beberapa siri operasi lain membuktikan isu ini serius dan memerlukan tindakan tegas agensi-agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

"Kita sering menolak dan meniadakan realiti serta mencari pelbagai alasan untuk menafikannya.

"Komen yang biasa kita dengar 'ia adalah kejadian terpelencir' sudah tidak mampu dijadikan alasan meniadakan realiti bagaimana rakusnya anggota penguat kuasa dalam perkara ini," kata Ahmad Khusairi.

28 MAC 2023 | SELASA | MUKA SURAT: 5

Kaji semula kadar elaun, kontrak guru KAFA

KANGAR: Pemberian elaun buat guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) sewajarnya dikaji semula berikutan jumlah bayarannya yang masih berada pada kadar rendah.

Sebagai contoh, buat masa ini, guru-guru KAFA di Perlis hanya menerima bayaran elaun berjumlah sekitar RM1,300 sebulan menerusi pemberian daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan jabatan agama negeri.

Di samping itu, isu perjawatan tetap turut membelenggu guru-guru KAFA memandangkan mereka masih berstatus kontrak dan perlu menyambunginya bagi tempoh setiap dua tahun.

Menurut sumber yang juga merupakan seorang guru KAFA, kadar pembayaran elaun berkenaan adalah tidak sama bagi setiap negeri namun kebanyakan masih berada pada tahap rendah.

"Umpamanya di Perlis, Jakim memberi elaun berjumlah RM1,000 pada setiap bulan kepada guru KAFA malah terdapat juga bayaran penambahan diberikan oleh jabatan agama negeri dan menjadikan jumlah keseluruhan yang diterima adalah sekitar RM1,300 sebulan.

"Penambahan elaun itu adalah berikutan terdapat tambahan satu hari kelas mengajar iaitu pada hari Rabu dan menjadikan jumlah keseluruhan kelas pada setiap minggu adalah sebanyak empat kali bermula Isnin sehingga Khamis," katanya.

Tambahnya, pemberian elaun perlu dikaji sebaiknya memandangkan jumlah bayaran yang diterima hanya sekitar RM1,100 selepas potongan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP).

28 MAC 2023 | SELASA | MUKA SURAT: 8

Sekarang masa tepat SPRM letak pegawai di Mara

PETALING JAYA: Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) menyifatkan sekarang adalah masa yang tepat untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meletakkan seorang pegawai mereka di Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Presiden MCW, Jais Abdul Karim berkata, langkah itu membolehkan mereka memberi nasihat yang tepat berkenaan mekanisme pencegahan rasuah bagi menambah baik polisi dan prosedur yang sedia ada.

"Mara adalah sebuah agensi kerajaan yang mengendalikan dana yang amat besar pastinya terdedah kepada bahaya rasuah dan salah guna kuasa yang memerlukan pemantauan rapi pihak SPRM.

"Masalah rasuah dan ketirisan yang pernah dilaporkan sebelum ini adalah bukti bahawa Mara terdedah kepada bahaya jenayah ini dan perlu sentiasa dipantau.

"Sebagai sebuah agensi kerajaan yang telah lama wujud, Mara mesti mempunyai sistem yang mematuhi semua prinsip integriti dan bebas daripada rasuah dalam melaksanakan amanah tersebut," katanya dalam kenyataan.

Media sebelum ini melaporkan, Mara bercadang menempatkan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di agensi itu dalam memastikan urusan tadbirnya berada di tahap terbaik.

Jais menambah, tindakan meletakkan pegawai SPRM itu juga adalah selari dengan Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan tugas pencegahan bagi memastikan rasuah dan salah guna kuasa dapat dikawal terutamanya dalam syarikat berkaitan kerajaan dan agensi milik kerajaan.

29 MAC 2023 | RABU | MUKA SURAT: 1 & 2

Menjelang 2025 negara terus belanja
besar beli produk dari luar negara

RM100b kos import makanan

Oleh OMAR ZIN
omar.zin@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Nilai import makanan negara boleh mencecah sehingga RM100 bilion menjelang 2025 berdasarkan statistik dan trend semasa antaranya disebabkan permintaan dalam negara melebihi penawaran.

Mengikut laporan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, RM75.54 bilion import makanan dicatatkan tahun lalu, berbanding RM63.59 bilion pada 2021, iaitu peningkatan sebanyak 18.7 peratus manakala RM55.4 bilion dicatatkan pada 2020.

Malah, ia menunjukkan peningkatan import luar biasa dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini apabila RM38.8 bilion import makanan dicatatkan pada 2013, menjadikan pe-

ningkatan sebanyak 94.6 peratus pada 2022.

Antara komoditi mencatatkan nilai import tertinggi ialah kopi, koko, teh, rempah, bijirin, keluaran dan sediaan bijirin, keluaran dan sediaan makanan lain, bahan makanan untuk ternakan dan sayur-sayuran.

Rekod tersebut jauh beza dengan nilai eksport makanan yang mencatatkan RM44.55 bilion tahun lalu, berbanding RM38.62 bilion pada 2021, RM33.7 bilion (2020) dan RM34 bilion (2019), RM35 bilion (2018) dan RM26 bilion (2013).

Komoditi yang mencatatkan nilai eksport yang tinggi adalah kopi, koko, teh, rempah dan keluaran; bijirin dan sediaan bijirin; ikan, moluska, krustasea dan sediaan; hasil tenusu dan buah-buahan.

Bersambung di muka 2

29 MAC 2023 | RABU | MUKA SURAT: 1 & 2

RM100b kos import makanan

Dari muka 1

Ketua Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan di Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Samad menyifatkan statistik menunjukkan bahawa negara berada dalam situasi bahaya kerana terlalu bergantung kepada pengimportan makanan.

Menurut beliau, semakin tinggi kebergantungan kepada bekalan makanan import semakin berisiko negara berhadapan dengan krisis sekuriti atau keselamatan makanan pada masa akan datang.

"Negara akan mengalami krisis makanan apabila berlaku perkara seperti bencana alam atau peperangan seperti yang berlaku antara Ukraine-Russia, kerana ia akan menjejaskan perdagangan antarabangsa terutama dalam mengimport bekalan makanan. Keadaan akan menjadi lebih kritikal kepada negara pengimport seperti Malaysia jika negara mengekport mengurangkan jumlah bekalan makanan yang dieskport.

"Disebabkan di pasaran domestik, permintaan makanan melebihi penawaran, kita terpaksa mengimport dari luar negara, tetapi ia hanya sesuai untuk jangka pendek bagi memenuhi permintaan domestik. Namun, jika ia berterusan dalam jangka panjang, negara akan berhadapan dengan krisis peningkatan harga barang makanan dan ditambah pula jika kedudukan ringgit yang lemah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Tindakan drastik perlu diambil bagi mengurangkan kebergantungan makanan import yang tidak mustahil akan mencecah RM100 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang."

Oleh itu, kata beliau, tindakan drastik perlu diambil bagi mengurangkan kebergantungan makanan import yang tidak mustahil akan mencecah RM100 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Antara langkah drastik boleh dilakukan adalah mengurangkan eksport makanan terlebih dahulu, meningkatkan pengeluaran makanan tempatan, serta mengadakan kajian bersama pusat penyelidikan dan universiti bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran hasil pertanian tempatan untuk memenuhi permintaan domestik," katanya.

Bagaimanapun, beliau berharap dana yang sewajarnya perlu diperuntukkan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan bagi memperkasakan sektor pertanian negara dan memastikan keterjaminan bekalan makanan di masa hadapan.

"Kita sudah ada pakar, idea dan jawatankuasa sekuriti ma-

kanan negara untuk menangani isu ini, tetapi jika kerajaan tidak memperuntukkan sejumlah dana yang sewajarnya kepada agensi dan universiti untuk tujuan penyelidikan berkaitan pertanian, usaha ini tidak akan berhasil," katanya.

Antara inisiatif kerajaan ketika ini bagi mengurangkan kebergantungan sumber import adalah menghasilkan pengeluaran jagung bijian sebanyak 600,000 tan metrik yang dapat mengurangkan kebergantungan import bahan makanan ternakan sebanyak 30 peratus menjelang 2032.

Malah, Program Pembangunan Jagung Bijian Negara akan membangunkan bahan makanan ternakan alternatif dan memperkasa industri benih tempatan bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian.

Sebanyak 480,000 tan metrik disasarkan bagi pengeluaran akuakultur, manakala sasaran jangka sederhana (2025) dan jangka panjang (2030) masing-masing adalah sebanyak 630,000 tan metrik dan 958,000 tan metrik.

Penternakan secara fidlot turut diperluas dengan memberi tumpuan kepada pemerkasaan lembu pedaging untuk mencapai Tahap Sara Diri (SSR) sebanyak 50 peratus pada 2030 manakala Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12).

29 MAC 2023 | RABU | MUKA SURAT: 1 & 3

Badan khas siasat salah laku semua penguat kuasa

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Peguam Negara mengkaji cadangan mewujudkan badan bebas untuk menyiasat dan mengambil tindakan ke atas semua aduan, tuduhan dan salah laku

membabitkan semua agensi penguatkuasaan.

Perdana Menteri berkata, mekanisme tersebut bagi memastikan agensi penguatkuasaan yang terlibat dalam kes salah laku tidak menyiasat sendiri secara dalaman mana-mana kes atau aduan diterima membabitkan pegawai atau anggota mereka.

Menurut beliau, semua badan tersebut akan menyiasat semua agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bersambung di muka 3

Badan khas siasat salah laku semua penguat kuasa

Dari muka 1

"Saya telah minta Peguam Negara kaji semula cadangan awal supaya ada mekanisme untuk semua badan penguatkuasaan kalau ada pertuduhan khas terhadap pegawai SPRM, imigresen, polis, kastam, maka ada badan bebas, (mungkin) dalam bentuk suruhanjaya.

"Peguam Negara akan kemukakan cadangan supaya badan penguat kuasa tidak menyiasat sendiri, tapi ada badan lain yang bebas menyiasat. Perkara ini saya rasa tidak begitu sukar kerana ada cadangan awal," kata Perdana Menteri.

Beliau menjawab soalan Gobind Singh Deo (PH-Damansara) berhubung kenyataan Timbalan

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahya yang mendedahkan tahap korupsi dalam kalangan penguat kuasa semakin kronik.

Ahmad Khusairi menyatakan antara punca rasuah tersebut susulan kebanjiran warga asing yang memberi peluang besar terhadap segelintir penguat kuasa tidak berintegriti untuk membuat duit menerusi perbuatan rasuah.

Anwar berkata, cadangan penubuhan badan bebas ketika ini dilihat wajar kerana lebih menyeluruh dan boleh mengambil tindakan terhadap semua aduan membabitkan badan penguatkuasaan.

Kata beliau, sebelum ini ada pihak mempertikai mengapa

hanya diwujudkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) bagi menyiasat salah laku anggota polis sedangkan perbuatan itu turut melibatkan semua agensi penguat kuasa.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru), Perdana Menteri berkata, pemberian derma politik dan suapan rasuah daripada pemberian adalah dua perkara berbeza seperti pertuduhan membabitkan Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Berhubung soal Pagoh tadi, ini bukan soal pendanaan politik. Itu pertuduhan kalau kita tengok, kalau kaitan kontrak diberikan. Satu parti, diberikan wang ia terlepas, tetapi kalau parti dapat wang akibat kontrak

diberikan, itu masuk kategori rasuah.

"Jadi ia harus dibezakan, kerana ramai salah faham soal ini dengan mengatakan parti boleh terima dana, ia betul. Dalam keadaan undang-undang sekarang, parti boleh terima, tetapi saya luluskan satu syarikat beberapa juta, kemudian dia derma ke parti saya atau akaun peribadi atau akaun syarikat, nak kata pertuduhan itu zalim itu tidak munasabah," katanya.

Kata Anwar lagi, pada dasarnya kerajaan bersetuju dengan cadangan penggubalan Akta Pendanaan Politik dan perkara itu di peringkat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi).

29 MAC 2023 | RABU | MUKA SURAT: 12

Dana RM2.1 juta dipulangkan kepada parti politik, 7 individu

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamalaysia.com.my

PUTRAJAYA: Dana RM2.1 juta yang dilucutkan selepas didakwa mempunyai kaitan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), diperintah oleh Mahkamah Rayuan agar dipulangkan kepada dua parti politik dan tujuh individu lain.

Panel tiga hakim diketuai oleh Datuk Seri Kamaludin Md. Said memerintahkan wang terlibat dikembalikan kepada perayu dalam tempoh dua bulan, bersama faedah terkumpul.

Beliau yang bersidang bersama Datuk Abu Bakar Jais dan Datuk Supang Lian memutuskan demikian selepas membenarkan rayuan Parti Bersatu

Rakyat Sabah (PBRS), MCA Pahang serta ahli keluarga bekas Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Seri Abdul Manan Ismail.

Pada prosiding semalam, Timbalan Pendakwa Raya Kamal Baharin Omar memberitahu, Jabatan Peguam Negara menerima representasi yang dikemukakan oleh perayu-perayu dan tidak berhasrat mencabar rayuan bagi pengembalian wang tersebut.

Sehubungan itu, panel berkenaan mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi pada 2020 yang membenarkan kerajaan melucutkan RM1 juta daripada PBRS, MCA Pahang (RM835,258.19) dan Rohizah Ahmad serta enam yang lain (keseluruhan RM265,146.16).

Selain Kamal Baharin, Tim-

Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), MCA Pahang serta ahli keluarga bekas Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Seri Abdul Manan Ismail."

balan-Timbalan Pendakwa Raya Samihah Rhazali dan Nik Ha-

slinie Hashim turut hadir mewakili pihak pendakwaan.

Peguam Avinash Kamalanathan mewakili PBRS, Sangeetha Vasanth Kumar bagi pihak MCA Pahang manakala Nur Jehan Abu Bakar mewakili tujuh individu itu.

Rayuan berkenaan merupakan yang terakhir melibatkan kes pelucutan hak berkaitan harta yang didakwa daripada dana 1MDB.

Mahkamah Rayuan sebelum ini mengarahkan Kerajaan Malaysia memulangkan RM21.7 juta kepada 11 individu, entiti perniagaan, dan parti politik atas situasi sama.

Pada 30 Januari lalu, Kamal Baharin memaklumkan kepada Mahkamah Rayuan sama bahawa pihak pendakwaan menarik

rayuan mereka terhadap pihak berkenaan.

11 responden itu termasuk Jakel Trading Sdn Bhd (RM10,747,042.77), Mediaedge CIA Sdn Bhd (RM4,631,602), AGA Touch Sdn Bhd (RM3 juta), dan Barisan Nasional Johor (RM957,395.65).

Pada 5 Februari lalu, pihak pendakwaan juga menggugurkan rayuan di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan melarang kerajaan melucut hak kira-kira RM194.5 juta yang diberikan Datuk Seri Najib Tun Razak kepada parti politik dan entiti perniagaan.

Penerima terbabit adalah ibu pejabat UMNO (RM192.6 juta), UMNO Pahang (RM2.5 juta) dan UMNO Kedah (RM1.05 juta).

30 MAC 2023 | KHAMIS | MUKA SURAT: 3

Isu doktor kontrak selesai tiga tahun lagi - Anwar

Oleh ASLINDA NASIR

Aslinda.nasir@mediamalaysia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan isu doktor kontrak dapat diselesaikan dalam masa tiga tahun lagi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia ada tidak boleh dibebankan dengan masalah berlarutan sejak sekian lama, justeru perlu diselesaikan dalam masa terdekat.

"Kalau kerajaan nak selesaikan semuanya sekali bagi 4,000 (lantikan tetap) yang dituntut, maknanya kita perlukan RM10 billion setahun. Maka, tidak mungkin.

"Sebab itu, saya bagi jaminan, tahun ini 1,500 (lantikan). Tahun depan atau berikutnya, katakan dalam tempoh tiga tahun, kita boleh selesaikan masalah ini.

"Masalah tertangguh lama. Jadi, tidak boleh bebankan kita dalam satu tahun untuk selesaikan semua. RM3 bilion itu bukan jumlah yang kecil," katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara, semalam.



ANWAR Ibrahim membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 di Dewan Negara, semalam. - IHSAN JABATAN PENERANGAN

Pada November 2021, Kementerian Kesihatan memaklumkan, seramai 4,186 daripada 10,583 pegawai perubatan kontrak yang sudah tamat perkhidmatan wajib dengan Kementerian Kesihatan (KKM)

ketika itu, sudah dinilai dan diperakui untuk lantikan tetap oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Daripada jumlah itu, sebanyak 3,586 membabitkan lantikan pegawai perubatan dan

masing-masing 300 pegawai pergigian serta pegawai farmasi.

Anwar berkata, Kementerian Kesihatan menerima peruntukan kedua terbesar dalam Belanjawan 2023, iaitu RM36.3 billion termasuk peruntukan RM3 bilion setahun untuk lantikan baharu secara tetap dan kontrak bagi lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada pengisian jawatan perkhidmatan awam dalam sektor kritikal, terutama bidang kesihatan dan pendidikan.

"Ini dijangka membabitkan perbelanjaan tambahan sehingga RM800 juta untuk 2023, yang mampu dan boleh kita tampung untuk satu tahun," katanya.

Terdahulu, kerajaan bersejua melanjutkan pelepasan cukai pendapatan individu RM8,000 bagi simpanan bersih tahunan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sehingga tahun depan.

Anwar berkata, keputusan itu dibuat susulan keresahan yang dibangkitkan rakyat dan teguran kepada kerajaan.

30 MAC 2023 | KHAMIS | MUKA SURAT: 8



SPRM bebas siasat agensi penguat kuasa di bawah KDN

SHAH ALAM: Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail memberi jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bebas dan tiada halangan untuk menyiasat semua agensi penguat kuasa di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Beliau berkata, jaminan itu adalah komitmen yang diberikan Kerajaan Perpaduan sejak mengambil alih pentadbiran negara pada November tahun lalu.

“(Perdana Menteri) sejak hari pertama menggariskan tiga perkara utama yang perlu Kerajaan Perpaduan lakukan iaitu penstrukturan ekonomi, jaminan keadilan sosial dan tadbir urus kerajaan yang baik.

“*Good governance* mestilah ada elemen untuk mengatasi rasuah di semua peringkat (kementerian, jabatan, agensi) dalam kerajaan termasuk KDN. Jika berlakunya rasuah dalam mana-mana agensi penguat kuasa dalam KDN, SPRM bebas untuk membuat siasatan tanpa sebarang halangan dan kalaupun berlaku, semalam.

Terdahulu, beliau mengahdiri Majlis Penerapan Nilai-Nilai Murni dan Iftar KDN Madani bersama Menteri Dalam Negeri di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor.

Utusan Malaysia pada semalam melaporkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika Sesi Soal Jawab Perdana Menteri (PMQ) di Dewan Rakyat memaklumkan kepada Ahli Parlimen beliau meminta Peguam Negara, Tan Sri Idris Harun mengkaji cadangan itu supaya ada mekanisme untuk menyiasat kes salah laku pihak penguat kuasa.

La susulan kenyataan yang dibuat Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahya semalam yang mengatakan tahap korupsi di kalangan penguat kuasa semakin kronik.

SAIFUDDIN Nasution Ismail menyampaikan replika sijil kewarganegaraan kepada salah seorang penerima di Shah Alam, Selangor. - UTUSAN/ MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

30 MAC 2023 | KHAMIS | MUKA SURAT: 10

Rasuah projek MRT2: Paismanathan berdepan penjara 20 tahun

SHAH ALAM: Seorang pengarah syarikat pembinaan mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan rasuah projek Mass Rapid Transit (MRT) 2 dan satu pengubahan wang haram berjumlah keseluruhan RM6.31 juta.

Tertuduh G. Paismanathan, 53, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kesalahan yang dilakukan antara 2017 hingga 2018 selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Awang Kerisnada

Awang Mahmud.

Dalam pertuduhan rasuah, Paismanathan didakwa memberikan suapan berjumlah SGD 655,766 (RM2juta) kepada Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd., Datuk Seri Shahril Mokhtar menerusi seorang lelaki berusia 45 tahun dengan harapan Rail System Engineering Sdn. Bhd. yang diambil alih oleh syarikat Pestech Technology Sdn. Bhd. meneruskan

projek MRT2 iaitu Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya yang bernilai RM693,034,609.32.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah premis di Taman Melawati, Gombak dekat sini pada 28 Disember 2017 dan 9 Januari 2018.

Justeru, dia melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan denda

tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Paismanathan juga dituduh memindahkan wang tunai hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM4.13 juta daripada akaun bank milik Colas Rail System Engineering Sdn. Bhd. ke akaun lain milik Siaz Holding Berhad.

Kesalahan itu dilakukan antara 16 November dan 27 Disember 2017 dekat sebuah bank di Taman

Subang Perdana dengan pendakwaan mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) akta yang sama.

Bagi kesalahan itu boleh dipenjarakan sehingga 15 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah aktiviti haram atau RM5 juta, mana-mana lebih tinggi.